

KERATAN AKHBAR

NAMA AKHBAR: SINAR HARIAN (AMPANG.HULU LANGAT)

TARIKH: 26 OGOS 2017

MUKA SURAT: 42

KPKT lulus peruntukan baik pulih bumbung



Johan bersama penduduk melawat unit rumah yang terbakar.

KAJANG - Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) meluluskan peruntukan kira-kira RM100,000 untuk kerja membaik pulih bumbung sebuah pangsapuri yang rosak akibat terbakar pada 14 Ogos lalu.

Pegawai Tugas-Tugas Khas kepada Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Johan Abdul Aziz berkata, pihaknya mendapati bumbung sebuah unit di tingkat lima yang tidak berpenghuni itu telah musnah dalam kebakaran.

"Kita khuatir jika bumbung ini tidak di-

baiki, apabila hujan air pasti akan turun ke unit di tingkat bawah," katanya.

Beliau berkata, peruntukan kerja baik pulih itu telah diluluskan oleh kementerian berkenaan pada dua hari lepas dan akan dilaksanakan dalam tempoh terdekat.

"Saya mahu mengucapkan terima kasih kepada Menteri KPKT, Tan Sri Noh Omar yang sudi membantu penduduk di pangsapuri kos rendah ini," katanya pada sidang media di sini, semalam.

"Saya amat bersimpati terhadap nasib penduduk di sini, saya berharap kerja baik pulih ini akan dilakukan dengan segera," katanya.